

05/08/2001

Terkilan kerana pegawai sukan terus diperlekehkan

Razali Yahya

"ORANG mencubit kita menampar." Perumpamaan unik Melayu ini cukup jelas untuk menggambarkan bahawa kita harus membantah, jika sesuatu itu tidak kena atau tidak betul demi menuntut keadilan. Ini bermakna jika kita mendapati sesuatu perlakuan yang dibuat oleh seseorang itu lebih kepada memperlekehkan kita, maka sewajarnya kita tidak boleh berdiam diri sebaliknya harus bangkit untuk memperbetulkan keadaan, agar kita tidak selama-lamanya terus diperbodohkan.

Begitulah dengan isu bola takraw antara jenama tempatan, Gajah Emas dengan jenama buatan Thailand, Marathon yang hangat diperkatakan sebelum ini. Persekutuan Sepaktakraw Malaysia (PSM) berkeras mahukan produk tempatan (Gajah Emas) diguna pakai pada Sukan Sea XXI yang berlangsung di tempat sendiri, sebaliknya Persekutuan Sepaktakraw Antarabangsa (Istaf) memutuskan jenama Thailand (Marathon) sebagai bola rasmi acara sepak takraw pada temasya dwitahunan itu.

Bagaimanapun, selepas kedua-dua pihak iaitu PSM dan Istaf yang didokong sebilangan besar pegawai Persatuan Sepaktakraw Thailand terus bertegang leher mempertahankan hujah masing-masing berhubung isu itu, akhirnya kemenangan berpihak kepada Thailand apabila Kementerian Belia dan Sukan (KBS) memutuskan tidak berganjak dan akur dengan keputusan Istaf. Keputusan ini meminggirkan terus produk tempatan, Gajah Emas dan mengesahkan jenama Marathon kekal sebagai bola rasmi acara sepak takraw Sukan Sea pada 8 hingga 17 September depan.

Dalam sidang akhbar di pejabat KBS, Ketua Setiausaha Mahamad Zabri Min mengatakan selepas mengadakan perbincangan dengan menterianya, Datuk Hishammuddin Hussein dalam mesyuarat pasca kabinet Rabu lalu, pihaknya memutuskan untuk mengekalkan MR201, jenama Marathon selaku bola rasmi temasya sukan serantau ini. Baginya, keputusan itu dibuat berdasarkan peraturan yang sudah ditetapkan Istaf. Alasan lain untuk memperkukuhkan tindakan itu ialah pihaknya mendapat pengesahan daripada Sirim bahawa badan penilai berkenaan mengesahkan tidak pernah mengeluarkan sijil pengesahan barangan kepada Gajah Emas. Bertolak kepada ini, Zabri berpendapat KBS tidak mempunyai kuasa dalam memperbetulkan keadaan yang berlaku dalam Istaf sebagaimana dakwaan PSM dan Gajah Emas bahawa badan induk antarabangsa itu tidak telus dalam memberikan pengiktirafan terhadap sesuatu barang.

Jadi, segala-galanya sudah berakhir. Memandangkan temasya Sukan Sea itu berlangsung di tempat sendiri, isu ini tetap terpahat dalam sejarah sukan tanah air apabila kita sebagai tuan rumah harus mengalah kepada kehendak Istaf sedangkan umum mengetahui lakonan yang dimainkan Thailand begitu licik sehingga berjaya "memperbudak-budakkan" pegawai-pegawai sukan Malaysia yang bermula dari KBS sehinggalah kepada persatuan sukan kebangsaan.

Syabas kepada Thailand kerana mereka nyata memang `bijaksana' dalam mencaturkan pegawai sukan Malaysia sehinggakan tidak dapat lagi membezakan "antara kaca dengan permata." Checkmate yang dilakukan musuh tradisi itu adalah `tamparan maut' Thailand kepada pegawai kita yang jelas masih belum cukup `berilmu' dalam permainan politik sukan. Itulah gambaran atau wajah-wajah pegawai sukan kita yang mewarnai badan-badan sukan negara yang bermula dari KBS hinggalah kepada persatuan sukan kebangsaan. Kalau inilah kualiti pegawai yang kita dimiliki dalam era sukan negara sekarang, ianya tidak hairan bin terkejut mengapa kita harus kecundang dalam perebutan

sebagai tuan rumah Sukan Asia 2006 dengan Doha (Qatar) menempelak Kuala Lumpur yang disebut-sebut pilihan utama sebelum itu.

Memanglah cukup malang. Ketandusan dan kececekan dalam percaturan 'politik sukan' membuatkan kita satu demi satu terus dipermalukan oleh negara luar kerana sikap pegawai-pegawai sukan kita nampaknya "lebih sudu daripada kuah." Mereka nampak sahaja bijak tetapi sebenarnya tidak bijaksana dalam sebarang tindak-tanduk dan pelaksanaan sehinggakan pembikinan Thailand dengan menjadikan Istaf sebagai "batu loncatan" berjaya mempersendakan pegawai-pegawai sukan Malaysia. Apalah hendak jadi dengan pegawai sukan kita sehinggakan "pengayuh sudah di tangan, perahu sudah di air" tetapi masih boleh dipermainkan oleh orang luar dan seterusnya menafikan hak kita sendiri. Kalau kuasa sudah di tangan kita tetapi peluang itu tidak dipergunakan sebaiknya, ia adalah malang kepada keseluruhan sukan negara.

Kita memang tidak menafikan kelemahan pegawai-pegawai PSM dalam isu yang berbangkit ini. Tetapi PSM mempunyai alasan kukuh untuk mengajar sikap biadap Thailand itu. Segala-galanya bermula dengan keangkuhan musuh tradisi itu. Kita percaya isu bola takraw Sukan Sea itu tidak akan berbangkit sekiranya Thailand tidak memulakannya. Ianya bermula apabila Thailand mahu meminda semula kaedah kiraan 21 mata kepada kaedah lama 15 mata. Sedangkan kiraan baru 21 mata sudah diputuskan akan diguna pakai pada Sukan Sea XXI pada mesyuarat Kongres Istaf, November tahun lalu. Bagaimanapun, setelah mendapati kiraan baru 21 mata jelas menggugat kedudukan Thailand untuk mempertahankan pingat emas, mereka melobi semula untuk mengekalkan kiraan lama 15 mata. Akhirnya, bulan lalu, Istaf yang memang kita tahu dimonopoli oleh pegawai Thailand berjaya mengubah kaedah baru kepada kaedah kiraan lama 15 mata diguna pakai pada temasya dwitahunan itu di Kuala Lumpur.

Berdasarkan kepada situasi ini dan berpegang kepada prinsip, Istaf tidak boleh bertindak sewenang-wenangnya atau sesuka hati untuk membuat perubahan yang jelas hanya mementingkan diri sendiri. Ketetapan sudah dibuat pada Kongres Istaf pada November tahun lalu yang menetapkan kaedah 21 mata diguna pakai pada Sukan Sea, tetapi mereka tetap mengubahnya sedangkan temasya itu hanya akan berlangsung tidak lama lagi. Jadi, tidak salahnya kalau pegawai PSM pula bingkas dengan menjadi hak kita sebagai tuan rumah untuk menafikan keputusan Istaf mahukan bola jenama Marathon dijadikan sebagai bola rasmi acara sepak takraw Sukan Sea diganti dengan jenama tempatan, Gajah Emas. Ini dilakukan sebagai tindakan balas untuk mengajar sikap biadap dan keangkuhan Thailand itu.

Jadi, kalau Thailand sendiri tidak menghormati ketetapan Istaf dan berusaha meminda keputusan yang sudah dibuat di Bangkok, bulan lalu, mengapa kita yang mempunyai 'senjata' selaku tuan rumah Sukan Sea tidak boleh bertindak seperti itu? Tentu sekali PSM tidak ada pilihan lain, selain mengharapkan bantuan secara total dari KBS dan badan-badan di bawahnya seperti Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Majlis Sukan Negara (MSN) dan Sakretariat Sukan Sea untuk melakukan tindakan yang boleh mengajar sikap biadap musuh tradisi itu. Ini kerana hanya KBS sebagai badan tertinggi sukan negara berkuasa untuk berbuat sesuatu apatah lagi kita sendiri sebagai tuan rumah Sukan Sea, setelah PSM sendiri sudah 'hilang ikhtiar' untuk menempelak Thailand.

Rupanya hasrat PSM agar KBS dapat bertindak bijaksana, tidak mendapat sambutan malah sebaliknya dengan membuat keputusan yang memalukan kita semua. Sepatutnya, KBS yang dianggap sebagai 'bapa' yang dapat melindungi anak-anak di bawahnya berbuat sesuatu untuk menebus malu yang ditanggung oleh PSM akibat keangkuhan Thailand, tetapi hasrat itu tidak kesampaian. Malah alasan KBS untuk akur dengan keputusan Istaf dan mengeneipkan produk tempatan, bukan sahaja longgar tetapi boleh dipertikaikan pelbagai pihak.

Selain itu, KBS mengatakan bola Gajah Emas tidak mempunyai sijil pengesahan daripada Sirim. Kita mahu tanya bagaimana pula dengan bola marathon? Kalau dari konteks sijil yang menjadi pegangan KBS, kenalah tanya Marathon, dia ada sijil apa?. Kalau inilah alasan KBS, ianya memang mengaibkan kita semua rakyat Malaysia kerana badan tertinggi sukan negara itu tidak lagi berupaya menjadi pelindung seperti yang diharapkan.

Lebih daripada itu, persatuan-persatuan luar sendiri seperti Persatuan Sepaktakraw Wilayah Utara (NTSTA) Australia dalam satu kenyataan baru-baru ini menyatakan mereka sendiri sudah hilang hormat dan tidak percaya Istaf mempunyai kewibawaan sebagai badan pentadbir sepaktakraw. Selain itu, mereka juga mendakwa terdapat sesuatu yang meragukan tentang status bola Marathon dan akan menulis surat kepada Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa untuk memaklumkan secara terperinci mengenai masalah Istaf termasuk rasuah. Bagi mereka, ketidakcekapan Istaf akan hanya merosakkan sukan sepaktakraw pada peringkat dunia dan itu adalah sesuatu yang tidak akan dibiarkan berlaku oleh mereka yang sayangkan sukan itu.

Beberapa negara luar yang sememangnya bergabung dengan Istaf sendiri memberikan sokongan penuh terhadap perjuangan PSM untuk menggunakan bola jenama Gajah Emas dan mereka sendiri menyarankan KBS menggunakan hak sebagai tuan rumah untuk mengguna pakai jenama tempatan sebagai bola rasmi acara sepak takraw di gelanggang sendiri. Saranan ini dilakukan kerana pegawai-pegawai Thailand yang menerajui Istaf sendiri tidak menghormati ketetapan yang sudah dibuat. Tindakan mereka itu seolah-olah Istaf macam persatuan keluarga.

Kalaulah orang luar sendiri nampak permainan kotor Thailand dalam masalah berkenaan, kita memang hairan kenapa pegawai-pegawai KBS dan badan-badan di bawahnya termasuk menteri sukan, Hishammuddin tidak boleh membaca percaturan biadap Thailand itu. Apa yang jelas kualiti kepimpinan pegawai-pegawai kita memang patut dipertikaikan kerana mereka memang tidak mampu menepati aspirasi sukan abad ke-21. Sebenarnya, kita menentang keangkuhan Thailand bukan mahu menunjukkan siapa kuat tetapi kita tidak mahu melihat pegawai-pegawai sukan negara terus diperlekehkan orang lain. Kalau ini berterusan berlaku, apakah kita mahu dilihat sebagai haprak sebagaimana yang diperkatakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perhimpunan agung Umno yang lalu?

(END)